

18/07/2001

Sejarah akan lebih adil menghakimi kepemimpinan Dr Mahathir

MEREKA yang tidak menyenangi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumpamakannya sebagai `diktator' dan `keras kepala`. Kepada mereka, setiap hari mendatang dihitung sambil menantikan saat-saat pengumumannya untuk berundur yang dijangkakan mereka mungkin tidak berapa lama lagi. Jelas, hari demi hari mereka dikecewakan oleh seorang pemimpin negara kerdil yang bertegas tidak akan sama sekali tunduk kepada kehendak dan tuntutan negara kuasa besar. Begitupun, pihak lain pula tidak lokek merakamkan penghargaan serta pengiktirafan tertinggi kepada Perdana Menteri Malaysia sepanjang tempoh dua dekad lalu. Dr Mahathir dijulung sebagai suara yang mewakili negara Islam serta negara Dunia Ketiga kerana kelantangannya mengutarakan pendapat secara kritikal di pelbagai forum dan persidangan antarabangsa.

Tiada silapnya kenyataan bahawa dunia hari ini lebih mengenali Malaysia berbanding 20 tahun lalu. Dan semua itu bukan dicapai hanya melalui pidato berapi-api tanpa membuktikan kemajuan yang kian dikagumi. Bukanlah asing bahawa pemodenan dan pembangunan negara ini dalam tempoh sesingkat itu dianggap suatu keajaiban. Kejayaan ekonomi Malaysia dan pembangunannya yang dinamik menjadi contoh untuk diteladani Dunia Ketiga. Umum juga mengetahui bukan sedikit jumlah negara dari tanah Arab hingga ke benua Afrika yang mempelajari pengalaman negara ini untuk bersiap sedia menghadapi cabaran ekonomi global pada alaf baru ini. Malah, ramai yang menyatakan kehairanan bahawa Malaysia, di sebalik segala kemajuan pesatnya, belum bergelar sebuah negara industri baru.

Arkitek utama bagi pembangunan ekonomi dan perubahan sosial Malaysia tidak lain daripada Dr Mahathir sendiri. Menyorot kepemimpinannya sejak 16 Julai 1981, tiada siapa dapat menafikan sudah terlalu banyak yang dilakukannya untuk mengangkat Malaysia ke tahap ini. Mewarisi dasar tiga Perdana Menteri terdahulu - Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Allahyarham Tun Hussein Onn - Dr Mahathir tidak berlembang menyuntik pelbagai pembaharuan, daripada memperkemaskan jentera kerajaan, pembasmian kemiskinan, mengurangkan pengangguran, meningkatkan pengeluaran, penerapan nilai Islam, memperkenalkan program penswastan, memulakan proses industrialisasi hinggalah kepada pembinaan projek mega yang manfaatnya berbalik kepada rakyat keseluruhannya.

Ada pendapat mengatakan jangkakan dan wawasan Dr Mahathir jauh mendahului generasi hari ini. Ini mungkin benar berdasarkan ada dasar dan keputusannya yang sukar difahami secara serta-merta tetapi menjadi sanjungan lima atau 10 tahun kemudian. Umpamanya, mereka yang dulunya mencemuh idea kereta nasional, kini lebih selesa ke sana ke mari memandu Proton pada harga amat kompetitif berbanding model asing yang sekelas dengannya. Penswastan yang suatu ketika dimomokkan sebagai petanda kerajaan hampir bankrap, sebaliknya kini memberi kakitangan terbabit gaji dan keistimewaan lebih baik.

Dunia Islam secara amnya - kecuali parti yang mendakwa memperjuangkan Islam di negara ini - turut mengagumi bagaimana Malaysia membangun dengan pesat tanpa menyeleweng daripada landasan Islam. Kepemimpinan Dr Mahathir yang bertunjangkan Umno sebagai sebuah parti Melayu-Islam, membuktikan kejayaan dan keberkesanan prinsip Islam berjalan seiring dengan sains dan teknologi untuk pemodenan dan kemajuan, berlawanan dengan tanggapan Barat yang lebih mengaitkan Islam dengan kemunduran dan keganasan. Analisis seperti ini bukan daripada golongan berkepentingan, sebaliknya sarjana dan

pemikir Islam antarabangsa yang pandangan mereka dihormati di seluruh pelosok dunia.

Negara Barat mungkin tidak mengampunkan Dr Mahathir kerana memomokkan mereka. Kejayaan Perdana Menteri mengatasi kegawatan ekonomi Malaysia adalah contoh kepada pemimpin Islam lain kerana pendekatan beliau menyelesaikan krisis mata wang, memaksa dunia Barat mengakui kesilapan mereka mengetepikan kebaikan kaedah kawalan modal berpilih. Begitu juga apabila memperkatakan mengenai globalisasi dan liberalisasi perdagangan, Dr Mahathir tidak pun berselindung dalam menyatakan kebimbangan terhadap kesannya kepada negara kecil dan miskin. Masyarakat antarabangsa mungkin boleh memandang remeh terhadap Malaysia sebagai negara kerdil tetapi tidak kepada pemimpin serta rakyatnya yang memiliki suara yang berhak didengar.

Kestabilan negara dan keharmonian kaum yang digariskan Dr Mahathir sebagai pencapaian terbesar Malaysia sepanjang beliau menyandang jawatan Perdana Menteri sebenarnya memberi makna yang amat besar. Tanpanya, tidak mungkin kejayaan negara sejauh ini dapat ditempa. Walaupun negara diterajui kepimpinan Melayu, kaum lain dan kepentingan mereka tidak dipinggirkan. Malah, semangat pemuafakatan dan persefahaman yang menjadi pegangan selama ini, harus membuat rakyat Malaysia lebih mensyukuri pelbagai nikmat jika dibandingkan sesetengah negara yang dilanda pergolakan dan kegawatan. Biar apa pun kritikan mahupun penentangan terhadap Dr Mahathir oleh mereka yang tidak menyenangnya termasuk segelintir media asing dan penganalisis, kita percaya kesudahannya nanti sejarahlah yang akan menghakimi beliau dengan lebih adil sebagai pemimpin dan negarawan yang banyak menyumbang menerusi idea, wawasan dan lebih penting lagi, pelaksanaannya.

(END)